

01/12/1999

## Reformasi berkubur: Penganalisis

KUALA LUMPUR, Selasa - Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-10 menunjukkan rakyat menolak reformasi parti pembangkang, kata penganalisis politik asing.

Selain itu, mereka juga berpendapat, Pas muncul sebagai pencabar utama Umno dari segi sokongan politik orang Melayu selepas memenangi kerusi terbanyak di kalangan parti pembangkang, sekaligus menenggelamkan DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

"Reformasi nampaknya sudah berkubur," kata William Case, pensyarah kanan Universiti Griffith, Australia, hari ini.

Walaupun pemimpin Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, menang di Permatang Pauh, mengekalkan kerusi suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, calon Keadilan lain yang bertanggungjawab menggerakkan kempen reformasi, kecundang.

Antaranya, Ezam Mohd Noor (Shah Alam), Ruslan Kassim (Kuala Pilah), Zainur Zakaria (Lembah Pantai) dan Marina Yusuf (Wangsa Maju).

Dalam pengundian kali ini, BN menang 148 kerusi Parlimen daripada sejumlah 193 yang dipertandingkan, manakala pembangkang mendapat 45 kerusi.

Penganalisis politik asing yang berada di sini untuk memerhati perjalanan pengundian sependapat bahawa BN menerima sokongan menyeluruh kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menyelesaikan kegawatan ekonomi terburuk di Malaysia sejak dua tahun lalu.

"Pengundi memilih untuk terus menikmati kemakmuran ekonomi. Kerajaan mungkin tidak popular tetapi rakyat Malaysia menaruh kepercayaan kepada BN untuk memulihkan ekonomi," kata Case.

Pendapatan per kapita Malaysia meningkat daripada RM300 pada 1957 apabila merdeka dari Britain, kepada RM14,440 tahun ini.

"Kemenangan dua pertiga itu akan membantu kerajaan Malaysia meneruskan proses reformasinya," kata penganalisis firma Duff and Phelps yang dipetik agensi berita.

Sebaliknya, cabaran utama bagi BN, khususnya Umno akan datang dari Pas yang menang 27 kerusi Parlimen selain mengambil alih kerajaan negeri Terengganu dan kekal sebagai pemerintah di Kelantan.

Kejayaan Pas bermakna ia adalah parti paling besar dan berpengaruh dalam blok barisan alternatif yang turut dikejutkan dengan kekalahan pemimpin DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh.

"Keadaan ini membawa maksud bahawa usaha pembangkang mewujudkan dialog antara orang Islam dan bukan Islam tidak begitu berjaya," kata Khoo Beng Teik, fellow pelawat di Universiti Murdoch, Perth.

Sementara itu, dalam satu sidang media di sini, sebuah pertubuhan pemerhati asing, Asian Network for Free Elections (Anfrel) yang berpangkalan di Thailand, mengesahkan proses pilihan raya ke-10 di Malaysia berjalan lancar dan aman.

Ketua suruhanjaya Anfrel, Jeneral Saiyud Kerdphol, berkata kawalan keselamatan di setiap tempat pembuangan dan pengiraan undi turut memuaskan.

Cuma, ada beberapa kelemahan di pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang perlu diperbaiki untuk memastikan pengurusan pengundian berjalan bebas, adil dan boleh dipercayai.

Katanya, SPR gagal memastikan media memberi liputan seimbang kepada parti yang bertanding, selain menafikan hak 680,000 pengundi baru serta

ada kes tertentu seperti seorang pengundi berdaftar di beberapa tempat pengundian menggunakan nama berlainan.

"Walaupun pilihan raya berjalan lancar, agak sukar untuk memastikan ianya berjalan bebas dan adil kerana kelemahan berkenaan," katanya yang menafikan sidang akhbar berkenaan bertujuan menghentam pilihan raya di Malaysia.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, pula menyifatkan langkah sesetengah pemerhati asing yang menghentam sistem pilihan raya di negara ini menunjukkan mereka gagal menghargai hasil pilihan raya kali ini.

Contohnya, mereka lupa bahawa Terengganu jatuh ke tangan parti pembangkang.

"Mereka perlu adil membuat penilaian. Kebanyakan mereka tidak pandai berbahasa Malaysia. Oleh itu, tidak dapat mengikuti dan menyelami makna yang tersirat daripada tulisan dalam akhbar dan majalah tempatan yang menyokong pembangkang," katanya.

(END)